

23 AUG 1997

Mahathir-Kompleks

KOS PEMBINAAN KOMPLEKS SUKAN NEGARA BERTAMBAH RM300 JUTA

KUALA LUMPUR, 23 Aug (Bernama) -- Kos pembinaan Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil telah meningkat hampir RM300 juta berikutan penambahan beberapa kemudahan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kos memang ada bertambah sebab kita membuat perubahan-perubahan sepanjang masa...banyak juga tambahan. Hampir RM300 juta tambah kerana ada peningkatan (kemudahan)," kata beliau pada persidangan berita selepas meninjau tapak pembinaan kompleks itu di sini hari ini.

Katanya, antara perubahan yang dilakukan ialah penambahan tempat duduk stadium tertutup dari 8,000 kepada 13,000 manakala stadium renang yang pada asalnya tidak mempunyai bumbung kini akan dipasang bumbung.

Ditanya sama ada kos tambahan itu akan ditanggung oleh UEM, beliau berkata kerajaan akan menanggungnya.

Kompleks itu meliputi stadium-stadium terbuka, tertutup, renang, hoki, skuasi dan Perkampungan Sukan Komanwel yang akan menempatkan hampir 6,000 atlit dan pegawai semasa Sukan Komanwel tahun depan.

Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan kerja-kerja pembinaan kompleks itu yang bernilai hampir RM2 bilion dan kontraktor "turnkey" projek itu, United Engineers (M) Berhad telah memberi jaminan segala-galanya akan disiapkan pada 1 Jan, 1998.

"Ini bermakna sembilan bulan lebih awal dari tempoh kontrak. Saya gembira mereka beri jaminan ini. Semua kerja sehingga sekarang nampaknya berjalan baik dan saya percaya kita dapat guna segala kemudahan untuk ujian," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan apa yang dilihatnya hari ini, Dr Mahathir berkata, "Anda tidak nampak bagaimana gembiranya saya?...saya tidak menangis. Selalunya apabila saya sedih saya menangis."

Semasa lawatannya lebih tiga jam itu, beliau diberi taklimat oleh pegawai-pegawai UEM. Yang turut hadir Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin, Pengerusi Eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad Jen (B) Tan Sri Hashim Ali dan Pengerusi UEM, Tan Sri Radin Soenarno.

Dr Mahathir berkata kerajaan kini sedang mengkaji kemungkinan menswastakan pengurusan kompleks itu yang merupakan pembangunan infrastruktur sukan terbesar selepas projek seumpamanya di Korea Selatan untuk Sukan Olimpik 1988.

Kata beliau, stadium terbuka yang boleh menampung 100,000 orang itu adalah antara yang terbesar di Asia.

"Walau apapun kita perlu pengurusan yang profesional...ini bukanlah satu kemudahan sukan yang biasa yang boleh diuruskan oleh mana-mana kelab sukan..secara sukarela, tetapi oleh para profesional yang mempunyai pengalaman dan kepakaran," kata beliau.

Dr Mahathir turut diberi taklimat mengenai kerja-kerja lanskap di persekitaran kompleks itu dan pembinaan stesen LRT yang menghubungkan bandaraya dengan kompleks itu.

Mengenai publisiti Sukan Komanwel, Dr Mahathir berkata ia berjalan lancar dan beliau berpuas hati dengan perkembangannya setakat ini.

"Ia (publisiti) sedang dijalankan...kita perlu bergerak sehingga ke puncak. Kita tidak boleh memulakan seratus peratus dan mengekalkannya...ini sukar (dilakukan). Mulakan dengan secara kecil-kecilan dan kemudiannya berkembang," kata beliau.

Isu mengenai publisiti Sukan Komanwel tercetus pada bulan Jun apabila Sukom dituduh kurang memberi publisiti terutamanya di luar negeri. Isu itu

menyebabkan Hashim Ali meletak jawatan sebelum menariknya balik sehari selepas itu.

Ditanya kemungkinan jerebu menjejaskan temasya sukan itu tahun depan, Dr Mahathir berkata kerajaan sedang berbincang dengan Indonesia untuk mengambil tindakan mengelakkan jerebu itu.

"Lebih kurang masa seperti inilah sukan itu akan berlangsung. Kita akan berbuat sesuatu...saya pasti akan ada hujan masa itu atau mungkin kita akan buat hujan tiruan," kata beliau.

Bagaimanapun, beliau menolak kemungkinan sukan itu akan ditangguhkan jika jerebu melanda negara semasa itu. -- BERNAMA

AR WAT